

Bahagian D
[20 markah]
Jawab semua soalan.

4. (a) (i) Senaraikan **dua** jenis ibadat.

1. _____

2. _____

[2 markah]

(ii) Setiap perbuatan manusia sama ada baik atau buruk akan diberi ganjaran dan balasan yang setimpal.

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda menjaga ibadat agar selamat di dunia dan akhirat?

[4 markah]

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Haram	Harus	Sunat	Wajib
-------	-------	-------	-------

(i) Ali beristinja dengan menggunakan kain sutera.

Jawapan: _____

(ii) Abu menunaikan solat dengan menggunakan kain yang terkena najis kanak-kanak lelaki.

Jawapan: _____

(iii) Aminah menyapu kedua-dua telinga ketika mengambil wuduk.

Jawapan: _____

(iv) Siti mandi pada hari raya Aidilfitri.

Jawapan: _____

[4 markah]

(c) Tanda (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Berhadas selepas salam yang pertama dibenarkan.	
(ii)	Kita boleh meninggalkan satu daripada rukun solat.	
(iii)	Pergerakan anggota besar tidak boleh dilakukan sebanyak tiga kali.	

[3 markah]

(d) Jelaskan **dua** syarat sah solat.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

(e) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Orang yang meninggalkan solat berdosa (kecil / besar).

(ii) Kelebihan solat ketika berdiri ialah boleh meluruskan (tulang belikat / tulang belakang).

(iii) Perkara yang mewajibkan mandi bagi lelaki dan perempuan ialah (haid / jimak).

[3 markah]